

Tujuan utama Liturgi ialah

# Membawa umat kepada Kristus dan Kristus kepada umat

**TAKHTA SUCI:** Perayaan keagamaan harus memupuk “partisipasi yang bermanfaat daripada umat Tuhan, bukan hanya di kalangan klerus, kata Sri Paus Fransiskus yang berbicara kepada para ketua komisi liturgi keuskupan pada Januari 20, di Vatikan.

Bapa Suci mengatakan di luar “pengetahuan mendalam” tentang perayaan keagamaan, para pakar liturgi harus memiliki kesedaran pastoral yang kuat untuk meningkatkan kehidupan liturgi komuniti.

Pendekatan pastoral terhadap liturgi memungkinkan perayaan keagamaan itu “membawa umat kepada Kristus dan Kristus kepada umat”, yang menurut Sangti Papa adalah “tujuan utama” liturgi dan prinsip penting dari Konsili Vatikan II.

“Jika kita mengabaikan ini, kita hanya akan memiliki ritual yang indah, tetapi tanpa semangat, tanpa rasa, tanpa akal, kerana tidak menyentuh hati dan keberadaan umat Tuhan,” kata Sri Paus Fransiskus.

Para ketua komisi liturgi keuskupan berada di Roma untuk berpartisipasi dalam kursus pembinaan tentang liturgi, “Liturgi yang Hidup Sepenuhnya”, di Institut Liturgi Kepausan.

Sri Paus mendorong mereka menghabiskan waktu di paroki, mengamati perayaan liturgi dan membantu para paderi merenungkan bagaimana mereka mempersiapkan



Bapa Suci Fransiskus menggalakkan kesedaran pastoral bagi meningkatkan kehidupan liturgi komuniti. Foto menunjukkan seorang paderi sedang memberkati para pelayan Altar dan kongregasi di keuskupan Sandakan. (Gambar/Dospo Sandakan)

liturgi dengan umat mereka.

Jika para pengajar liturgi berada “di tengah-tengah umat, mereka akan segera mengerti dan tahu bagaimana mendampingi saudara-saudaranya, bagaimana menyuarakan apa yang sesuai dan baik untuk komuniti dan apa langkah-langkah yang diperlukan untuk menemukan kembali keindahan liturgi serta merayakan bersama-sama,” katanya.

Tugas para ketua komisi liturgi keuskupan, kata Sri Paus Fransiskus, adalah menawarkan paroki liturgi “yang dapat ditelada-

ni, dengan adaptasi yang dapat dilakukan komuniti untuk bertumbuh dalam kehidupan liturgi.”

Amat menyedihkan jika seorang pemimpin liturgi peduli dengan liturgi paroki hanya ketika uskup datang berkunjung dan kemudian membiarkan liturgi kembali seperti semula setelah uskupnya pergi, kata Sangti Papa.

“Ketika pergi ke paroki dan tidak mengatakan apa-apa ketika mendapati liturgi di situ agak kurang kemas, tidak teratur, tidak dipersiapkan dengan baik bererti tidak

membantu umat, tidak mendampingi mereka,” tambahnya.

Merujuk pada surat apostoliknya *Desiderio Desideravi* yang diterbitkan pada Jun 2022, Fransiskus menjelaskan cara terbaik mengembangkan kepedulian yang tepat terhadap liturgi adalah dengan sering membiarkan diri dibentuk melalui perayaannya.

Sebagai nasihat terakhir, Bapa Suci mendorong para ketua liturgi untuk “menjaga keheningan,” terutama sebelum Misa, membantu umat berkonsentrasi pada apa yang akan terjadi. — *media Vatikan*

## Mengapa tempat-tempat suci kami diserang?

YANGON: Gereja Katolik di Myanmar telah mendesak kerajaan junta negara itu untuk melindungi tempat-tempat ibadat selepas serangkaian serangan oleh tentera di wilayah majoriti Kristian di negara Asia Tenggara yang dilanda perang saudara itu.

Dalam serangan terbaru terhadap tempat-tempat ibadat Kristian, tentera, yang menggulingkan pemerintah sivil pada Februari 2021, membakar Gereja Santa Maria Assumpta yang berusia 129 tahun di Keuskupan Agung Mandalay pada Januari 15.

“Semakin banyak tempat ibadat dan biara,

di mana komuniti mencari perdamaian dan rekonsiliasi, justeru diserang,” kata Gereja dalam surat terbuka, yang ditandatangani oleh Kardinal Charles Bo, Uskup Agung Yangon, dan Uskup Agung Mandakay, Msgr. Marco Tin Win dan Uskup Agung Taunggyi, Msgr. Basilio Athai.

“Mengapa tempat-tempat suci ini diserang dan dihancurkan?” tanya mereka dalam surat yang diterbitkan pada Januari 20.

Para prelatus senior memetik pakatan antarabangsa seperti Konvensi Den Haag

yang menyeru perlindungan tempat ibadat, tempat belajar, dan tempat penyembuhan.

“Sebagai bangsa, kita perlu sembuh. Penyembuhan datang melalui rasa keterkaitan kita yang mendalam. Tempat ibadat mempromosikan saling ketergantungan ini, yang mengarah pada perdamaian,” kata mereka.

Dalam serangan pada Januari 15, biara para Sister Fransiskan yang berusia seabad juga dibakar oleh militer.

Lima dari 16 keuskupan di negara itu — Loikaw, Pekhonn, Hakha, Kalay dan Mandalay — amat terkesan dengan konflik yang

sedang berlangsung antara tentera dan kumpulan pemberontak etnik, beberapa anggotanya berasal dari pelbagai denominasi Kristen.

Namun, surat itu tidak secara langsung menyalahkan junta militer atas serangan di wilayah-wilayah yang mempunyai ramai penduduk Kristian.

“Biarkan semua senjata terdiam, mari kita menjangkau semua, sebagai saudara dan saudari dan memulai ziarah suci perdamaian, bersatu sebagai bangsa dan sebagai umat,” kata surat itu. — *ucanews.com*

# Saya akan melakukan kebaikan... tetapi bukan sekarang ya Tuhan!

Dalam buku Pengakuan Sto Augustine, orang kudus itu menerangkan bagaimana pertobatannya dan memeluk agama Kristian melibatkan dua momen rahmat yang berasingan.


Pertama, ia memberi keyakinan intelektual bahawa agama Kristian adalah betul, dan yang kedua yang memberi kuasa kepadanya untuk hidup dengan apa yang dia percayai.

Hampir sembilan tahun selepas beliau bertobat dan memeluk agama Kristian, dia telah mengubah doa yang terkenal: Tuhan jadikan aku orang Kristian yang baik dan suci – tetapi tunggu dulu. Menariknya, sezaman dengannya, juga seorang kudus, *Ephraim the Syrian* (306-373 AD) menulis doa yang sama: *Wahai kekasihku, bagaimana setiap hari saya lalai dan setiap hari bertaubat. Saya menghabiskan masa selama satu jam dan satu jam memusnahkan apa yang telah saya bina.*

*Pada waktu petang saya katakan, esok saya akan bertaubat, tetapi apabila pagi datang, dengan gembiranya saya lalai dan membuang waktu.*

*Sekali lagi, pada waktu petang saya katakan, saya akan terus berjaga-jaga sepanjang malam dan saya berhadapan dengan Tuhan agar berbelas kasihan atas dosa-dosa saya. Tetapi apabila malam datang, saya tidur nyenyak.*

Apa yang dinyatakan oleh Augustine dan Ephraim dengan begitu



terang serta sedikit sentuhan humor, adalah salah satu kesukaran sebenar yang kita hadapi dalam perjuangan kita untuk berkembang dalam iman dan matang sebagai manusia iaitu, kecenderungan untuk menjalani kehidupan dengan berkata: “Ya, saya perlu melakukan yang lebih baik. Saya perlu menanggung dan berusaha mengatasi tabiat buruk saya, tetapi sekarang bukan masanya!”

Sungguh menghiburkan untuk mengetahui bahawa beberapa orang kudus berjuang selama bertahun-tahun untuk mengatasi kebiasaan, kemalasan, dan tabiat buruk, dan bahawa mereka, seperti kita, boleh selama bertahun-tahun menyerah kepada perkara-perkara itu dengan mengangkat bahu: “Esok, saya akan membuat permulaan baru!”

Augustine juga, selama beberapa tahun selalu mengungkapkan “esok dan esok!” “Ya, tetapi belum



masanya!” Berapa kerapkah ini menggambarkan kita?

Saya mahu menjadi seorang Kristian yang baik dan orang yang baik. Saya mahu hidup lebih banyak dengan iman, kurang malas, kurang mementingkan diri sendiri, lebih baik kepada orang lain, lebih kontemplatif, mengurangi sikap cepat marah, kepahitan, paranoia, dan penghakiman orang lain.

Saya mahu berhenti bergosip dan menyebarkan fitnah. Saya mahu lebih realistik terlibat dalam keadilan.

Saya mahukan kehidupan doa yang lebih baik. Saya ingin mengambil masa untuk sesuatu, menghabiskan lebih banyak masa bersama keluarga saya, menghidu bunga, memandu lebih perlahan, lebih sabar, dan kurang tergesa-gesa.

Saya mempunyai beberapa tabiat buruk yang perlu saya ubah, masih

ada kepahitan dalam diri saya, saya lalai dalam banyak perkara, saya benar-benar perlu berubah, tetapi sekarang bukan masanya. Pertama, saya perlu terlebih dahulu bekerja melalui hubungan tertentu, semakin tua, menukar pekerjaan, berkahwin, berehat, menjaga kesihatan, menamatkan sekolah, bercuti, membiarkan beberapa luka sembuh, membawa anak-anak bersiar-siar, berpindah ke paroki baru, dan menjauhkan diri dari keadaan ini — maka saya akan serius untuk mengubah semua ini. Tuhan, jadikan saya orang yang lebih matang dan Kristian, tetapi bukan sekarang ya!

Dalam Buku Pengakuan Sto Augustine, beliau berkongsi bagaimana suatu hari, ketika duduk di taman, dia kesal dengan ketidakmatangan dan kelemahan serta beliau merasa, ada sesuatu yang seperti taufan kencang, berlaku dalam dirinya sehingga beliau banjir dengan

air mata.

“... Saya beredar untuk duduk di bawah pokok ara dan memberi masa kepada air mata saya terus mengalir ... dalam kesengsaraan saya, saya terus menangis, Berapa lama saya akan terus berkata, esok, esok. Kenapa tidak sekarang?”

Apabila dia berdiri dari tempat itu, hidupnya terus berubah. Semoga berdoa, dia tidak lagi mengakhiri doanya dengan perkataan “tetapi bukan sekarang.”

Kita semua mempunyai tabiat tertentu dalam kehidupan kita yang kita tahu adalah buruk, tetapi atas pelbagai sebab (kemalasan, ketagihan, kekurangan kekuatan moral, keletihan, kemarahan, paranoia, cemburu, atau tekanan keluarga atau rakan-rakan) kita enggan meninggalkan sikap-sikap tidak baik itu.

Kita rasa ia perkara biasa sahaja, kita memujuk hati kita bahawa kita ini manusia lemah, orang lain juga selalu sering mempunyai sesuatu yang tidak dapat dikatakan atau mahu mengatakan dalam doa-doa mereka, “Ya, Tuhan, tetapi bukan sekarang!”

Apabila Pemazmur berkata, “Nyanyikan kepada Tuhan lagu baru” kita mungkin bertanya kepada diri sendiri, apakah lagu lama? Maka, inilah yang disebut pada akhir doa kita, “Ya Tuhan, saya akan menyanyikan lagu baru, tetapi bukan sekarang! — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

## Menjadi tanda kehadiran Tuhan

Agama atau iman Kristian itu bukanlah merupakan suatu falsafah, hukum, moral atau cara hidup. Tetapi ia adalah pertemuan dengan peribadi Yesus Kristus.

Hidup Kristian adalah membangun hubungan peribadi dengan Tuhan melalui dan di dalam peribadi Yesus Kristus. Maka Injil atau khabar gembira itu bukanlah mengenai buku tetapi ia adalah peribadi Yesus Kristus sendiri. Inilah yang membezakan agama Kristian dengan agama yang lain.

Bagi kita umat Kristian iman itu adalah hubungan intim dengan peribadi Tuhan Yesus. Dia adalah terang dunia. Kita percaya dengan penuh keyakinan bahawa dengan beriman kepada-Nya kita diselamatkan dan memiliki kehidupan kekal.

Pembacaan pertama merupakan nubuat nabi Yesaya tentang kemuliaan Tuhan yang akan datang bagi umat Israel yang hidup di dalam pembuangan.

Mereka telah dibawa ke Asiria dan mereka bagaikan hidup di dalam kegelapan. Nubuat nabi Yesaya, “Bangsa yang berjalan di dalam kegelapan telah melihat terang besar; terang telah bersinar di atas mereka yang diam di

negeri kekelaman.”

Nubuat ini telah memberi harapan baru kepada mereka yang hidup dalam pembuangan. Semasa hidup dalam buangan di negeri musuh mereka iman umat Israel amat tergugat kerana pengaruh-pengaruh dari agama bukan Yahudi.

Yesaya melihatnya sebagai hidup di dalam kegelapan kerana Tuhan tidak bersama mereka.

Dalam Kitab Perjanjian Lama, memang “terang” digunakan untuk menggambarkan Mesias dan bahawa Mesias bukan hanya Raja Israel tetapi juga Terang bangsa-bangsa (Yes 42:6; 49:6); dan Raja Daud menyebut Tuhan sebagai terang yang menerangi jiwa orang benar dan memberinya kekuatan (Mzm 27:1)

Pembacaan Injil menyatakan bahawa nubuat Yesaya digenapi oleh Yesus Kristus. “Yesus menetap di Kapernaum memenuhi nubuat Yesaya.”

Santo Matius melihat nubuat itu telah menjadi nyata ketika Yesus mulaiewartakan khabar gembira di Galilea. Yesus sendirilah adalah khabar gembira dan cahaya yang menyinari kehidupan manusia.

Dalam Injil jelas menyatakan bahawa Kristus adalah terang

kehidupan yang menyinari kegelapan dunia kerana dosa seperti yang telah dinubuatkan oleh nabi Yesaya dalam pembacaan pertama.

Sebagai Terang, Yesus memberitakan pertaubatan dan khabar gembira tentang kerajaan Tuhan serta menyembuhkan ramai orang dari pelbagai penyakit.

Sambil melaksanakan misi-Nya Yesus memanggil beberapa orang mengikuti Dia dan menjadi murid-Nya supaya mereka turut serta dalam misi pewartaan-Nya.

Dia menjadikan mereka para penginjil (penjaja manusia). Mereka telah meninggalkan cara hidup lama mereka dan mengikuti Yesus.

Misi pewartaan Injil diteruskan oleh pengikut-pengikut Kristus yang sejati sampai sekarang sebab Tuhan Yesus telah mengatakan “Kamu adalah terang dunia” (Mat 5:14).

Namun demikian, masih ramai lagi orang di dunia ini masih tinggal di dalam kegelapan kerana dikuasai oleh dosa, sebab tidak semua umat Kristian sadar tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai penginjil.

Sebagai umat Kristian adalah tanggungjawab kita membawa orang lain untuk bertemu dengan

### HARI MINGGU BIASA KE LIMA TAHUN A

**YESAYA 58: 7-10**

**1 KORINTUS 2: 2-5**

**MATIUS 5: 13-16**

peribadi Kristus.

Santo Paulus di dalam pembacaan Kedua menasihati umat Kristian di Korintus supaya mereka mengusahakan hidup dalam kesatuan kerana mereka sedang berpuak-puak.

Maka Paulus menegaskan. “Hendaknya kamu seia sekata dan jangan ada perpecahan di antara kamu.” Persoalan mengenai kesatuan Gereja sudah timbul sejak ia didirikan.

Paulus memberi penekanan bahawa perpecahan dalam komuniti Kristian hanyalah membawa kepada kegelapan. Sepatutnya mereka menjadi pemberita Injil Kristus.

Dengan ini Paulus menjadi penyalur sinar perdamaian dan kesatuan. Tanpa kesatuan dalam Kristus hidup kita sama seperti berada dalam kegelapan.

Dalam hidup kita tentu masih

ada kawasan-kawasan hidup kita yang masih dalam kegelapan. Ini termasuklah ketakutan, penyakit, dosa, kesepian, kekecewaan, tekanan, dan sebagainya.

Maka kita memerlukan terang Kristus untuk menyinari kehidupan kita. Sesudah hidup kita dibaharui apakah kita rela menjadi terang kepada orang lain?

Tanpa cahaya kita hidup di dalam kegelapan. Kita hidup di dalam dunia yang digelapi oleh kejahatan, ketidakadilan, kebenaran, peperangan dan pembunuhan. Yesus adalah terang yang menggalakkan segala bentuk kegelapan.

Marilah kita selalu menjemput Tuhan Yesus Kristus untuk menerangi keluarga, komuniti, masyarakat dan Negara kita, agar terang Kristus sentiasa menerangi kehidupan manusia. — *santapan rohani*

# Membasmi klerikalisme dengan semangat sinodal

PORT DICKSON: Enam puluh orang Klerus dan dua orang seminarian berhimpun di Pusat Methodist pada Januari 16-18 lalu bagi Perhimpunan Pastoral Klerus Tahunan (CAPA).

Rekoleksi bulanan memberi peluang kepada para klerus membuat refleksi mendalam mengenai isu-isu semasa yang mempengaruhi kepaderian dan pelayanannya mereka.

Oleh kerana, Gereja di Malaysia masih dalam tempoh persediaan untuk Sinodaliti, dalam CAPA, para klerus berkesempatan menerima maklumat terkini di keuskupan, serantau, benua dan memberi mereka prospek bagi memikirkan implikasi data ini berkaitan pelayanannya dan imamat mereka.

Tim moderator dan penceramah untuk CAPA adalah Msgr Jude Miranda, Vikaris Jeneral Keuskupan Pulau Pinang, Fr Simon Labrooy, Rektor College General Major Seminary, dan Fr Surain Durairaj.

CAPA tahun ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang berfokus kepada Sinodaliti, hubungannya dengan Pelayanannya Imam dan Klerikalisme.

Dalam sebuah video, Uskup Emeritus Antony Selvanayagam, memberikan orientasi untuk tiga topik tersebut. Dalam topik Sinodaliti, para klerus diminta untuk mendengar

dan mempertimbangkan dengan teliti hasil data sinode.

Uskup Selvanayagam menyatakan antara perkara penting yang harus ditumpukan demi penambahbaikan pelayanannya kepaderian ialah memeriksa semula kualiti hubungan mereka antara sesama dan umat, mendengar dengan empati, dan belajar untuk menjadi lebih inklusif.

Mengenai topik Kepaderian, Uskup Selvanayagam mengingatkan para klerus bahawa kepaderian dimulakan pada Perjamuan Terakhir bersama-sama dengan Ekaristi dengan mengucapkan kata-kata ini: "Lakukan ini sebagai kenangan akan Aku."

Katanya, "Sebagai paderi kita harus sentiasa bersedia untuk berkongsi sakramen, menjadi guru dan pembimbing, dan jangan lupa mendengar umat."

Prelatus itu juga mengingatkan para klerus tentang dosa dan kesilapan Klerikalisme di mana paderi mula berfikir bahawa "mereka adalah gereja", dan apabila seorang paderi mula percaya bahawa "mereka adalah pusat" gereja, dan berhenti mendengar orang.

Salah satu sesi dalam CAPA kali ini ialah mengenai Klerikalisme yang dibentangkan dalam bentuk video. Dalam video tersebut,



Keuskupan Agung Kuala Lumpur mengadakan Perhimpunan Bulanan Klerus (CAPA) di Port Dickson pada Jan 16-18, 2023.

Christian Kheng, ahli fakulti tambahan Institut Pastoral Asia Timur, yang pernah menyampaikan sesi semasa Konferensi Para uskup Asia (FABC) tentang: Bentuk Kepimpinan dan Tadbir Urus Baru di Gereja."

Profesor Kheng menyatakan bahawa Sinodaliti bukan sekadar visi gereja tetapi seluruh manusia kerana ia berakar umbi dalam martabat setiap lelaki dan wanita.

Dalam sesinya, Profesor Kheng menekankan jenis kepimpinan yang menghalang Sinodaliti.

Beliau menegaskan bahawa para klerus harus menggelakkan kepimpinan solo, lepas

tangan dan birokrasi.

Prinsip-prinsip utama tadbir urus Sinodal, sebaliknya, memudahkan pembelajaran bersama, menemui bakat-bakat yang tersembunyi, menggalakkan saling bergantung, memerlukan dinamisme dan tidak seharusnya berorientasikan pencapaian tetapi memberi tumpuan kepada proses pembinaan masyarakat.

Pada akhir sesi, Msgr Jude memberikan ringkasan ajaran Sri Paus Fransiskus mengenai klerikalisme yang menurut Bapa Suci sebuah idealisasi kepaderian yang mahukan eksklusif, serta mempunyai semua jawapan dan merasakan tidak lagi perlu mendengar atau belajar apa-apa."

Fr Surain Durairaj, yang merupakan sebahagian daripada tim penganjur dan moderator mengatakan, "Pada kali ini, CAPA menonjolkan kekuatan yang sudah ada dalam diri kita — kerjasama dalam pelayanannya dan persahabatan dalam presbiterium.

Mengenai topik klerikalisme, Fr Surain menyatakan bahawa, "kadang-kadang kita lupa bahawa kita adalah sesama penziarah, anggota umat Tuhan... kita perlu berjalan dengan komuniti dalam kebijaksanaan yang sama."



## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Perbezaan pengakuan dosa di bilik pengakuan dan Ritus Tobat dalam Misa

Idealnya pengakuan dibuat sebelum Misa, agar umat dapat terlibat dalam perayaan itu secara penuh. Tapi pilihan pastoral ini banyak dilaksanakan di pelbagai tempat.

Tentang absolusi dalam Ritus Tobat di awal Ekaristi, dapat dirujuk Pedoman Umum Misale Romawi, bahawa: "Setelah hening sejenak, seluruh umat menyatakan tobat dengan rumus pengakuan umum. Setelah itu, imam memberikan absolusi. Tetapi absolusi ini tidak memiliki kuasa pengampunan seperti absolusi dalam Sakramen Tobat" (51).

Perhatikanlah kalimat terakhir: absolusi dalam Ritus Tobat tidak memiliki kuasa pengampunan seperti dalam Sakramen Tobat. Untuk mengerti kalimat ini sebaiknya kita tidak memisahkan Ritus Tobat tersendiri, terlepas dari Sakramen Ekaristi seutuhnya. Kerana itulah Ritus Tobat tidak dapat disamakan dengan Sakramen Tobat.

Sebagai sebahagian dari perayaan Ekaristi, Ritus Tobat berfungsi mempersiapkan umat agar dengan hati murni dan bersih dapat mendengarkan dan menyambut Tuhan dalam Ekaristi.

Dengannya, kita mengakui dosa kita dan menyesalinya di depan umum, ertinya di hadapan Gereja yang berkumpul, apabila paderi berkata: agar kita layak merayakan peristiwa keselamatan. Peristiwa keselamatan itulah yang memberikan kepada kita pengampunan dosa.

Jadi memang ada pengampunan dosa melalui

Ekaristi?

Benar. Ada empat sakramen yang memberi efek pengampunan dosa: Pembaptisan yang membersihkan kita dari dosa asal dan dosa pribadi sebelum dibaptis, Ekaristi dan dua sakramen penyembuhan iaitu Sakramen Tobat (= Sakramen Pengakuan, Rekonsiliasi, atau Pengampunan) dan Sakramen Pengurapan.

Mengenai pengampunan dalam Ekaristi dapat dibaca no 1393 Katekismus Gereja Katolik: "Komuni memisahkan kita dari dosa. Tubuh Kristus yang kita terima dalam komuni, telah "diserahkan untuk kita" dan darah yang kita minum, telah "dicurahkan untuk banyak orang demi pengampunan dosa". Kerana itu Ekaristi tidak dapat menyatukan kita dengan Kristus, tanpa serentak membersihkan kita dari dosa yang telah dilakukan dan melindungi kita terhadap dosa-dosa baru."

KGK 1394 menyebut bahawa penerimaan komuni membuat cinta kita ditumbuhkan kembali. "Cinta yang dihidupkan kembali ini menghapus dosa ringan." (Bdk. Konsili Trente: DS 1638).

Yang dihapuskan dalam perayaan Ekaristi adalah dosa-dosa ringan saja. Dosa ringan tidak memisahkan kita sepenuhnya dari Tuhan, karena itu diampuni oleh penerimaan Tubuh dan darah Kristus. Sedangkan dosa-dosa berat yang menghilangkan rahmat baptisan dan melukai persekutuan Gereja dihapuskan melalui Sakramen Tobat

(lih. KGK 1446).

Perbezaan antara Ritus Tobat dalam Ekaristi dan Sakramen Tobat juga nampak dalam rumusan absolusi.

Dalam Sakramen Tobat, imam memberikan pernyataan afirmatif, sambil memberikan tanda salib: "... Maka saya melepaskan saudara segala dosa dalam nama Bapa dan Putera dan Roh Kudus. Amin."

Sebaliknya dalam Ritus Tobat, imam memakai kata-kata doa: Semoga Tuhan yang mahakuasa dan maharahim mengampuni dosa-dosa kita, dan menghantar kita ke hidup yang kekal. Imam tidak memberikan tanda salib saat mengucapkannya, dan dipakai ungkapan doa, justru karena karena mengarahkan kita pada Sakramen Ekaristi sebagai misteri keselamatan. Di situlah korban Kristus dihadirkan kembali serentak dengan buahnya.

Apakah Sakramen Tobat mengampuni hanya untuk dosa berat? Tentu saja tidak. Dosa ringan juga diampuni dalam Sakramen Tobat. Ramai orang Katolik mengalami peristiwa kaunseling ketika membawa semua dosanya dalam Sakramen Tobat dan memperoleh buah rahmat yang luar biasa: merasakan kelegaan dan pelepasan, kebahagiaan dalam hidupnya dan yang paling utama cinta kasihnya pada Tuhan dan sesamanya semakin hidup. — Fr Gregorius Hertanto, MSC, Ketua STF Seminari Pineleng, Manado, Sulawesi Utara, hidupkatolik.com

# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Garam adalah perisa penting dalam makanan. Kalau makanan kita tidak bergaram, makanan kita menjadi tawar. Garam juga mempunyai pelbagai kegunaan misalnya digunakan dalam industri perubatan dan makanan.

Kita juga sangat memerlukan terang pada waktu malam. Tanpa terang atau cahaya, pasti kita akan teraba-raba dalam kegelapan dan tidak dapat melangkah ke pelajaran di sebelah malam.

Pada hari ini, Yesus mengatakan kepada kita bahawa kita adalah 'garam dan terang dunia'.

Yesus menyeru kita untuk membawa pengaruh yang baik pada orang-orang di sekeliling kita. Sebagai garam, kita boleh membantu orang lain dan sebagai terang, kita boleh membawa orang lain untuk lebih mengenal Yesus.

Salam damai  
Antie Melly

## BULATKAN PERKATAAN TERSEMBUNYI

BERCAHAYA - GARAM - TAWA - TERANG - GUNUNG - ORANG - PELITA - GANTANG - KAKI DIAN - DIASINKAN - DUNIA

T	A	W	A	M	Y	J	K	G	B
E	X	F	T	W	O	V	D	G	E
R	Z	S	L	C	R	H	D	A	R
A	Q	B	R	K	A	B	U	R	C
N	P	V	W	P	N	T	N	A	A
G	U	N	U	N	G	E	I	M	H
Y	D	P	E	L	I	T	A	G	A
O	G	A	N	T	A	N	G	V	Y
K	A	K	I	D	I	A	N	M	A
D	I	A	S	I	N	K	A	N	




Cari SEPULUH perbezaan pada gambar di bawah

A



B



Kamu adalah terang dunia  
Mat 5: 14

Rujuk Matius 5: 3-11 bagi untuk melengkapkan Sabda Bahagia. Cari kotak ayat yang betul dan warnakan mengikut warna yang ditetapkan.

...orang yang miskin ... kerana: ♥

... orang yang berdukacita kerana: ♥

...orang yang lemah lembut kerana: ♥

...orang yang lapar dan haus akan kebenaran kerana: ♥

... orang yang murah hatinya kerana: ♥

... orang yang suci hatinya kerana: ♥

... orang yang membawa damai kerana: ♥

... orang yang dianiaya sebab kebenaran kerana: ♥

merekalah yang empunya Kerajaan Syurga.

mereka akan dipuaskan.

mereka akan melihat Tuhan.

mereka akan memiliki bumi.

mereka akan beroleh kemurahan.

mereka akan disebut anak-anak Tuhan

mereka akan dihibur.

merekalah yang empunya Kerajaan Syurga.

# BELIA MILENIUM

## 85 pemuda dari tiga Keuskupan Sabah hadir Seminar Panggilan

**KENINGAU:** Buat julung kalinya, Keuskupan Keningau menjadi tuan rumah bagi Seminar Panggilan menjadi Paderi Keuskupan.

Seminar yang mengabungkan tiga keuskupan/agung di Sabah, iaitu Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Keningau, dan Keuskupan Sandakan diadakan di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon pada Januari 13-15 lalu.

Seramai 85 pemuda, 40 orang dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, 31 orang dari Keuskupan Keningau dan 14 orang pula dari Keuskupan Sandakan, menyertai seminar tersebut.

Seminar ini dikendalikan oleh para seminarian terdahulu dan diketuai oleh



para paderi yang mengetuai Komisi Panggilan di keuskupan masing-masing iaitu, Fr. Roney Mailap (Keuskupan Keningau), Fr. Isidore Gilbert (Keuskupan Agung Kota Kinabalu), Fr. Christopher

Ireneus (Keuskupan Sandakan) dan Fr. Mattheus Augustine.

Semasa memimpin Misa Kudus pembukaan, Uskup Cornelius Piong mengatakan bahawa kita tidak dapat datang kepada Tuhan dengan kekuatan sendiri, tetapi kerana Tuhanlah yang berkarya.

Menjelaskan hal ini, prelatus itu mengambil perumpamaan dalam pembacaan pada hari tersebut (Mrk 2:1-12), tentang seorang yang lumpuh terpaksa dibantu oleh orang lain untuk datang kepada Yesus.

Perumpamaan itu menyatakan kepada kita bahawa kita hanya dapat datang kepada Tuhan kerana campurtangan-Nya.

“Sebelum kamu mengatakan YA untuk datang ke seminar ini, tentu ada orang lain yang berusaha untuk mempromosikan dan mengajak kamu untuk menyertainya.

Itulah tanda bahawa Tuhan sedang bekerja untuk memanggil kamu,” jelas Bapa Uskup.

Bapa Uskup Cornelius juga mengatakan persoalan yang terpenting untuk para peserta adalah, “Apakah yang kamu mahu?” dalam mengikuti Yesus.

“Seperti murid-murid Yohanes Pembaptis yang ingin mengikuti Yesus, pertanyaan yang pertama Yesus tanyakan kepada mereka adalah, apakah yang kamu mahu? Yesus tidak bertanya siapakah diri-Nya melainkan kita harus mengenal apa yang kita inginkan daripada Yesus,” tegas prelatus itu.

Uskup Cornelius berharap agar sepanjang Seminar Panggilan itu, para peserta dapat mendengar, merenung dan mengimani Yesus sehingga mereka dapat memperoleh jawapan yang mereka cari.

Antara program dan sesi yang akan dilalui oleh semua peserta adalah *Vocation Promotion, My Journey to the Diocesan Priesthood, My Ministry as a Diocesan Priest, Vocation Sharing* dan akhirnya temuduga. — **Juanis bin Marcus**



Semoga ada di antara pemuda ini menjawab panggilan Tuhan untuk menjadi paderi Keuskupan.

## Misa pelajar beri motivasi para pelajar giat capai cita-cita

**KUCHING:** Puji dan syukur kepada Tuhan atas kehadiran luar biasa para pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan SPM, STPM dan peperiksaan akhir penggal (UASA) bagi pelajar sekolah menengah yang membanjiri Katedral St Joseph baru-baru ini, bagi merayakan Misa Kudus.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Fr Stanley Goh, SJ. Fr Galvin Ngumbang dan Fr Joseph Ng SJ.

Semasa homilinya, Fr Stanley mengingatkan pelajar untuk memberi tumpuan kepada proses persediaan peperiksaan mereka.

Paderi itu memberikan contoh gerakan senaman *Tai Chi* di mana

pelajar perlu belajar untuk memberi dan berkongsi pengetahuan sebagai persediaan serta salah satu cara baik bagi menambah ilmu.

Menambah satu lagi contoh dari filem *Gladiator*, Fr Stanley mengingatkan mereka yang hadir untuk sentiasa mengikuti arus dan mengelakkan sebarang salah faham.

Misa Kudus pelajar itu dianjurkan oleh Persatuan Guru Katolik Sarawak (SCTG).

Pada akhir, pelajar diberikan kad doa peperiksaan dengan perantaraan Sto Joseph Cupertino, santo pelindung bagi peperiksaan akhir.



Dalam Misa Kudus pelajar, para pelajar didoakan agar mereka berani meraih cita-cita mereka. Gambar: Today's Catholic.

## Perjuangan uskup AS lawan epidemik bunuh diri



Uskup Dolan dari Keuskupan Phoenix, Amerika Syarikat. (Gambar: Facebook).

PHOENIX, AS: Diari yang ditinggalkan oleh saudara perempuan Uskup John P. Dolan, Mary, adalah permintaan maaf, dan memohon: “Kepada semua teman dan keluarga saya – saya minta maaf. Saya harap anda melanjutkan pelayanan kesihatan mental anda, John.”

Sebagai anak ketujuh dari sembilan bersaudara, Msgr. Dolan, Uskup Keuskupan Phoenix, AS, telah kehilangan seorang saudara laki-laki, dua saudara perempuan dan seorang saudara ipar akibat bunuh diri.

Tragedi keluarga terbaru ini adalah bunuh diri adik bongsunya, Mary — terjadi hanya dua bulan sebelum Disember 13, 2022, perasmian pelayanan kesihatan mental pertama Keuskupan Phoenix dalam 53 tahun sejarahnya, sebuah prakarsa peribadi dipimpin oleh Uskup Dolan.

Bagi Uskup Dolan, keahliannya dalam pelayanan kesihatan mental datang dengan harga yang sangat mahal — itulah sebabnya dia juga menjadi salah satu uskup AS yang paling vokal tentang perlunya pendampingan spiritual bagi mereka yang menderita penyakit mental.

Asosiasi Pelayanan Kesihatan Mental Katolik, yang dipimpin oleh Uskup Dolan, menyatakan pelayanan kesihatan mental melengkapi pekerjaan para profesional kesihatan mental.

Pelayanan ini berasas iman, berpusat pada Tuhan, dan dipimpin oleh relawan terlatih dengan mereka yang mengalami tantangan kesihatan mental “tanpa implementasi langsung dari intervensi psikologi.”

Pelayanan kesihatan mental adalah “sokongan spiritual dan sosial — bukan diagnosis atau perawatan perubatan — bagi mereka yang menderita kesihatan mental. — *media Vatikan*

## Perang dengan China bukanlah pilihan, kata presiden Taiwan kepada Sri Paus Fransiskus

TAIPEI: Perang di antara Taiwan dan China bukanlah sebuah pilihan dan lebih penting kedua-dua negara itu mengembangkan hubungan agama rentas selat, kata Presiden Taiwan Tsai Ing-wen dalam surat kepada Bapa Suci Fransiskus.

Presiden Tsai mengirim surat itu kepada Bapa Suci pada Januari 23, 2023 sebagai tanggapan atas pesan Bapa Suci pada Hari Perdamaian Dunia ke-56 pada Januari 1, 2023. Presiden Tsai menekankan dialog bilateral untuk membawa perdamaian dan kestabilan di kawasan itu.

“Dalam ucapan saya pada Hari Nasional 2022, saya menekankan bahawa perdamaian dan kestabilan di Selat Taiwan adalah dasar untuk pengembangan hubungan aga-

# Dialog antara agama baik untuk planet ini, kata Bapa Suci

ROMA: Dialog agama agama dapat memengaruhi perubahan iklim dengan memanfaatkan “kekayaan yang mendalam” dari tradisi iman untuk mempromosikan rasa “tanggung jawab ekologi” dan pertobatan, kata Bapa Suci Fransiskus.

Menyambut delegasi Buddha Cambodia ke Vatikan pada Januari 19, 2023, Bapa Suci menyeru “dialog di semua peringkat” untuk mencari solusi bagi memperbaiki hubungan yang rusak di antara manusia dan alam.

“Namun, ini tidak dapat terjadi tanpa perubahan hati, visi, dan praktik,” kata Bapa Suci.

Delegasi komuniti Buddha itu melakukan perjalanan ke Vatikan untuk bertemu dengan para pegawai Dikasteri untuk Mempromosikan Dialog Antara Agama Vatikan. Mereka memilih tema “Pertobatan Ekologi” untuk pertemuan mereka di Roma.

Merujuk pada ensikliknya tahun 2015 “*Laudato Si*”, tentang “Peduli Rumah Kita Bersama”, Bapa Suci Fransiskus mengatakan pertobatan ekologi bererti mengubah “apa yang terjadi di dunia menjadi penderitaan peribadi kita sendiri”, yang menghasilkan rasa tanggung jawab peribadi terhadap planet ini.

“Pertobatan ekologi terjadi ketika akar manusia peduli dengan krisis lingkungan saat ini,” kata Bapa Suci kepada delegasi tersebut.

## Kritik itu menjengkelkan tetapi ia hak asasi

VATIKAN: Kritikan awam yang diutarakan oleh para kardinal dan uskup memang mengganggu — “seperti ruam yang sedikit mengganggu anda,” kata Bapa Suci Fransiskus — tetapi perbezaan perlu diungkapkan dan kritik dapat membantu, katanya kepada Associated Press.

“Anda lebih suka mereka tidak mengkritik, demi ketenangan,” katanya dalam wawancara pada Januari 24. “Tetapi saya lebih suka para cardinal mengkritik kerana itu bererti ada kebebasan untuk berbicara.”

Kepausan bukanlah kediktatoran, katanya, dan, selain itu, “kritik membantu anda untuk bertumbuh dan memperbaiki keadaan.”

ma rentas selat,” bunyi surat itu.

Tsai menyatakan dalam suratnya “konfrontasi bersenjata sama sekali bukan pilihan,” lalu menegaskan tekad Taiwan untuk mengakhiri konflik dengan China melalui cara damai.

Tsai juga menambah keinginan Taiwan untuk perdamaian dan menghormati rakyat sebagai sebuah bangsa adalah faktor utama dalam memastikan kebebasan di wilayah tersebut, merujuk pada ucapan beliau sempena Hari Nasional pada Oktober 2022.

“Hanya dengan menghormati komitmen rakyat Taiwan terhadap kedaulatan, demokrasi, dan kebebasan kami, dapat menjadi dasar untuk melanjutkan interaksi konstruktif di Selat Taiwan,” tulis Tsai.



Sri Paus Fransiskus memimpin Misa untuk Hari Pertobatan Santo Paulus, di Basilika Santo Paulus di Luar Tembok, Roma pada Januari 25, 2023. (Gambar: Ucanews.com)

Untuk mencipta budaya peduli terhadap bumi, individu juga harus berkomitmen menyembuhkan luka masyarakat yang “disebabkan oleh keserakahan, pencarian keuntungan kewangan yang berlebihan, kurangnya solidariti dengan sesama, dan sikap tidak hormat terhadap lingkungan hidup.”

Beliau merujuk kepada praktik Buddha “*metta*,” yang tidak menyakiti makhluk hidup, dan menjalani gaya hidup sederhana sebagai contoh bagaimana umat Buddha “dapat mencapai perlindungan terhadap semua makhluk” dan ini terkait dengan panggilan Kristian untuk percaya kepada ciptaan Tuhan. — *media Vatikan*

Wawancara AP dengan Bapa Suci juga mencakupi topik dari kesihatannya hingga krisis penderaan seksual di kalangan klerus, homoseksualiti dan mengenal hal persaraan seorang Bapa Suci yang meninggalkan jabatannya.

Dalam perbincangan tentang homoseksualiti, Bapa Suci Fransiskus mengatakan “homoseksual bukanlah kejahatan tetapi aktiviti homoseksual adalah dosa, kata Bapa Suci. Namun prelatus itu menegaskan, seperti yang diajarkan Katekismus Gereja Katolik, kaum gay harus dihormati, disambut dan tidak dipinggirkan atau didiskriminasi.

“Kita semua adalah anak-anak Tuhan,

dan Tuhan mencintai kita apa adanya dan kekuatan kita masing-masing berjuang untuk martabat kita,” kata Bapa Suci.

Gay “bukanlah kejahatan,” katanya seraya mengajak umat untuk membezakan, antara dosa dan kejahatan.”

Sri Paus Fransiskus pernah dikritik oleh Uskup Agung Georg Gänswein, setiausaha mendiang Bapa Suci Emeritus Benediktus XVI tentang beberapa perkara.

“Meskipun mereka mengatakan dia mengkritik saya, itu adalah hak beliau. Kritik adalah hak asasi manusia. Dan kardinal yang mengkritik saya itu adalah orang hebat dan melakukan banyak kebaikan di Vatikan.” — *media Vatikan*



Presiden Taiwan, Tsai Ing-wen menyampaikan ucapan sempena Hari Nasional pulau itu di depan Pejabat Presiden pada Oktober 10, 2023. (Gambar: ucanews.com)

Presiden Tsai, mengacu pada ensiklik Bapa Suci Fransiskus *Fratelli Tutti*, menyoroti tekad Taiwan untuk “bermitra dengan negara-negara yang berfikiran sama untuk menyokong usaha rekonstruksi di Ukraine.”

Taiwan terus-menerus mendapat tekanan dari China yang menganggap negara itu sebagai bahagian dari wilayahnya dan menyangkal kedaulatan yang dinikmati oleh Taiwan.

Taiwan telah dipuji secara global kerana cara mereka yang sangat berkesan dan sukses melawan pandemik Covid-19. Negara itu juga telah memberikan sokongan kepada negara-negara lain dengan peralatan dan perawat. — *ucanews.com*

HARI ORANG SAKIT SEDUNIA, FEBRUARI 11, 2023

# Belas Kasih sebagai Reksa Penyembuhan Sinodal

## ‘Rawatilah dia’

### Saudara-saudari terkasih!

Sakit merupakan bahagian dari kondisi manusiawi. Tetapi, jika sakit itu ditanggung seorang diri dan terabai, tanpa perhatian dan belas kasih, tentu dapat menjadi tidak manusiawi.

Semasa kita berjalan bersama, seseorang yang merasakan sakit, harus berhenti kerana kelelahan atau beberapa kejadian yang menyimpannya di sepanjang jalan.

Persis pada saat-saat seperti itu kita melihat bagaimana kita berjalan bersama: apakah kita benar-benar teman seperjalanan, atau hanya individu-individu yang berjalan sendiri-sendiri pada jalan yang sama, dengan urusan masing-masing?

Kerana itu, pada Hari Orang Sakit Sedunia ke-31, di tengah perjalanan sinode Gereja, saya mengundang kita semua untuk merenungkan kenyataan bahawa melalui pengalaman kerapuhan dan kondisi sakit, kita dapat belajar berjalan bersama menurut cara Tuhan, yakni kedekatan, belas kasih, dan kelembutan.

### Tuhan akan membalut yang terluka, menguatkan yang lemah

Dalam Kitab Nabi Yehezkiel, Tuhan menyerukan kata-kata ini yang menampilkan salah satu hal utama dari Pernyataan Diri Tuhan: “*Aku sendiri akan menggembalakan domba-domba-Ku, dan Aku akan membiarkan mereka berbaring, demikianlah firman Tuhan. Aku akan mencari yang hilang, dan akan membalut yang terluka, dan akan menguatkan yang lemah [...] Aku akan memberi makan mereka dengan keadilan*” (Yeh. 34:15-16).

Pengalaman kebingungan, sakit, dan lemah adalah sebahagian dari perjalanan manusia. Pengalaman-pengalaman itu tidak untuk memisahkan kita dari persekutuan umat Tuhan, melainkan justru membawa kita ke pusat perhatian Tuhan, kerana Ia adalah Bapa kita yang tidak ingin kehilangan satu pun dari anak-anak-Nya di sepanjang jalan.

Marilah kita belajar daripada-Nya, bagaimana harus menjadi komuniti yang sungguh-sungguh berjalan bersama dan mampu melawan budaya menyingkirkan.

### Penderitaan semasa sakit jadi ringan dalam semangat persaudaraan

Ensiklik *Fratelli Tutti* mendorong kita untuk membaca kembali perumpamaan Orang Samaria yang baik hati, yang saya pilih untuk menggambarkan bagaimana kita dapat beralih dari “awan gelap” dunia yang tertutup ke “mimpi dan penciptaan dunia yang terbuka” (bdk. No. 56).

Ada hubungan yang mendalam antara perumpamaan Yesus tersebut dan dunia sekarang ini yang menolak persaudaraan dengan pelbagai macam cara. Ada satu hakikat bahawa manusia yang telah dipukuli dan dirampok dibiarkan di pinggir jalan melukiskan kondisi saat ini di mana ramai saudara-saudari kita ditinggalkan ketika mereka sedang memerlukan



Setiap orang berharga dan tak seorang pun dibuang atau ditinggalkan.

kan pertolongan.

Yang penting di sini adalah mengenali keadaan atau situasi kesendirian dan terlantar. Kepedihan semacam ini lebih mudah diatasi daripada kekejaman ketidakadilan lainnya, kerana untuk mengatasinya – seperti dikisahkan oleh perumpamaan Orang Samaria yang baik hati – hanya perlu memikat perhatian kita sesaat dan gerakan belas kasih yang ada dalam diri kita.

Dua orang yang melintas, yang dianggap warak dan religius, melihat orang yang terluka itu, tetapi tidak mahu berhenti menolong. Tetapi, orang ketiga yang melalui di situ, iaitu orang Samaria, seorang asing, tergerak hatinya, merawat orang yang terluka itu, dan memperlakukannya sebagai saudara.

Dengan melakukannya, tanpa banyak berfikir, dia telah membuat perbezaan, dia telah membuat dunia lebih bersaudara. Hari Orang Sakit Sedunia mengajak kita untuk berdoa dan lebih dekat dengan mereka yang sedang menderita.

Lebih dari itu, kesempatan ini juga bertujuan untuk membangkitkan kesedaran umat Tuhan, institusi kesihatan dan masyarakat sivil terkait dengan cara baru bergerak maju bersama-sama.

Memang, pesan akhir dari perumpamaan orang Samaria yang baik hati menyarankan bagaimana gerak persaudaraan, yang mulai dari perjumpaan tatap muka, dapat diperluas ke dalam perawatannya yang terorganisir.

Unsur-unsur penginapan, pemilik penginapan, wang dan janji untuk datang kembali (bdk. Luk. 10:34-35) semua itu menunjukkan komitmen para petugas kesihatan dan pekerja sosial, anggota keluarga dan sukarelawan, melalui mana yang baik setiap hari tetap teguh berdiri menghadapi kekuatan jahat, di setiap bahagian dunia.

Orang Samaria memanggil pemilik penginapan untuk “merawat dia” (Luk. 10:35).

### Kita diciptakan untuk suatu kepenuhan yang hanya dapat dicapai dalam cinta

Yesus menunjukan panggilan yang sama kepada masing-masing dari kita. Dia mengutus kita, “pergilah dan buatlah demikian” (Luk. 10:37). Seperti saya tuliskan dalam *Fratelli Tutti*, “perumpamaan (orang Samaria yang baik hati) memperlihatkan bagaimana sebuah komuniti dapat dibangun kembali oleh lelaki dan wanita yang menjadikan kerapuhan orang lain sebagai kerapuhannya sendiri, yang menolak pembangunan masyarakat yang ditandai dengan pengucilan, tetapi menjadi sesama manusia dari orang yang jatuh, dan mengangkat serta memulihkannya, sehingga kebaikan itu menjadi kebaikan bersama (No. 67).

Memang, “Kita diciptakan untuk suatu kepenuhan yang hanya dapat dicapai dalam cinta. Kita tidak boleh bersikap tak peduli pada orang yang menderita” (No. 68).

Pada Februari 11, 2023, marilah kita mengarahkan diri ke tempat suci Lourdes, pada sebuah warta kenabian, suatu pembelajaran yang dipercayakan kepada Gereja untuk zaman modern ini.

Bukan hanya apa yang berfungsi baik atau mereka yang produktif yang diperhatikan.

Melainkan, senyatanya orang sakitlah yang berada pada pusat persekutuan umat Tuhan, dan Gereja maju bersama dengan mereka sebagai tanda kemanusiaan di mana setiap orang berharga dan tak seorang pun dibuang atau ditinggalkan.

Roma, Santo Yohanes Lateran,  
Januari 10, 2023  
Sri Paus Fransiskus

PENULIS BERKICAU

## Klerus bukan *superman*

Seorang rakan media saya, yang mengendalikan radio rohani online untuk sebuah keuskupan, telah menemubual salah seorang formator seminari tinggi.

Antara soalan menarik yang dikemukakan oleh beliau ialah, “Mengapa ada di kalangan paderi muda yang bersikap eksklusif, hanya mahu melayani orang-orang tertentu dan kurang mesra?”

Formator seminari itu menjawab, semasa dalam proses pembentukan di seminari, calon paderi biasanya dinilai bukan sahaja dari segi akademik dan pelayanan pastoral mereka tetapi juga sahsiah. Tambahnya, semasa di seminari, para calon paderi ini biasanya menunjukkan markah cemerlang, dari segi pengajian dan keperibadian.

Namun, setelah ditahbis mereka bukan lagi di bawah pemantauan pihak kolej. Dan formator ini memang mengakui, ada di kalangan paderi yang bersikap di luar jangkaan mereka. Bukan sahaja formator, malah para uskup juga berasa hairan, mengapa mereka menjadi sedemikian.

Tidak berapa lama dahulu, seorang ibu pernah mengadu bahawa suaminya telah lama sakit tetapi seorang chaplain hospital pun tidak ada yang datang memberi pengurusan orang sakit.

Saya pernah menganggap ‘aduan’ seperti itu adalah keterlaluan kerana di sebuah keuskupan, chaplain hospital biasanya bukan seorang, malah hingga enam atau tujuh orang sekaligus.

Tetapi, aduan ini rupa-rupanya terjadi pada pesakit lain sehingga ada yang mengatakan, “anak saya telah meninggal dunia, baharulah chaplain hospital datang...”

Pernah juga seseorang ‘berkicau’ kepada saya, berlaku kes kecemasan di hospital dan keluarga si sakit menelefon paderi di paroki, meminta paderi agar datang unit kecemasan untuk memberikan pengurusan.

Tetapi si paderi itu memberi pelbagai alasan dan bertanya, “Esok boleh tak?” Sudah tentu keluarga itu mendesak paderi itu untuk datang, kerana tidak pasti masih adakah esok untuk si pesakit. Rumah paderi dan hospital tidaklah jauh. Tetapi si paderi mengambil masa dua jam untuk tiba di hospital.

Namun dalam hal ini, bagi pihak paderi, saya ingin mengajak umat untuk berfikir, bahawa paderi juga mempunyai kesukaran sendiri. Mereka adalah manusia biasa yang lemah.

Kita sering memikirkan mereka ‘*superman*’ atau manusia yang mempunyai kuasa hebat, yang tidak tahu penat dan sentiasa ada tenaga melakukan semua hal.

Dan, kita perlu merenung, bagaimana persepsi kita terhadap kaum paderi. Adakah kita menganggap apabila kita memanggil mereka, mereka mesti datang segera? Mungkin si paderi yang sedang melayani di stasi luar ketika mereka memerlukan mereka.

Barangkali disebabkan inilah, jika ada isu dan kontroversi melanda kaum klerus, umat sukar memaafkan kerana menganggap, paderi adalah kaum kudus, tidak boleh jatuh ke dalam dosa, kalau dipanggil, mesti datang dalam masa dua minit!

Andai ada ‘kes’ terabai atau terlepas pandang, lebih baik mengemukakan cadangan anda kepada Bapa Uskup untuk menambahbaik pelayanan kaum tertahbis.

Kita sekarang dalam era Gereja sinodal, Gereja yang terbuka dan mendengar. Saya pasti Gereja tidak akan menutup pintunya untuk mendengar keluhan dan aduan kita. Jangan simpan di hati, tegurlah dengan membina.

Saya suka dengan jawapan formator dari sebuah seminari yang mengatakan, “Para paderi harus selalu kembali kepada tujuan asal pentahbisan kita, harus selalu bersatu dengan paderi dan sebagai paderi, tidak boleh menyendiri atau berjalan sendirian yang bukan tanda Gereja Sinodal.”

## Perhimpunan konferensi CBCMSB ke-111 di Pulau Pinang

BUKIT MERTA JAM: Perhimpunan pleno Konferensi para Uskup Katolik Malaysia-Singapura-Brunei (CBCMSB) ke-111 dan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Konferensi Pemimpin Umum Religi (CRMS) telah diadakan di Basilika Kecil Sta. Anna, bermula Januari 9, 2023.

Terlebih dahulu, para Uskup/Agung dan Pemimpin Umum religius merayakan Misa Kudus Deklarasi Gereja Sta. Anna sebagai Basilika Kecil, dalam majlis yang panjang tetapi sangat bermakna pada petang Januari 9, 2023.

Kemudian pada hari pertama, para Uskup/Agung dan Pemimpin Umum religius berhimpun di tempat persidangan masing-masing, di kawasan Basilika Kecil Sta Anna, diikuti berdoa rosari bersama dan makan malam.

Keesokan harinya mereka bertemu lagi untuk membincangkan pelbagai isu penting khususnya perlindungan kanak-kanak di bawah umur dan orang dewasa yang lemah di semua institusi gereja.

Uskup dan Pemimpin Umum turut membincangkan persiapan Perhimpunan Religi Pan Malaysia yang akan berlangsung di Majodi, Plentong Johor pada Jun 8-11, 2023.

**Pengalaman dan pembelajaran dari FABC** Para Uskup yang menghadiri Persidangan Agung Ulang Tahun ke-50 *Federation of Asian Bishops' Conference* (FABC) yang diadakan hampir sebulan pada bulan Ok-



Persidangan Konferensi para Uskup Katolik Malaysia-Singapura-Brunei dan para Pemimpin Umum Religi di Basilika Kecil, Sta Anna Pulau Pinang menumpukan Dokumen untuk fasa Sinode Kontinental.

tober 2022 di Bangkok, berkongsi pengalaman dan pembelajaran mereka.

Tema FABC 50, "Berjalan Bersama sebagai Umat Asia" diinspirasi dari kisah tiga raja dalam Injil Matius 2: 1-12, "... dan mereka pergi melalui jalan lain."

Mesej kepada Semua Umat Asia itu, yang diterbitkan oleh FABC, sekali lagi diedarkan di kalangan uskup dan semua Pemimpin Umum religius.

### Dokumen untuk fasa Sinode Kontinental

Tumpuan persidangan kali ini adalah Dokumen untuk fasa Sinode Kontinental (DCS) yang diedarkan kepada semua sebelas diosis dan vikariat.

DCS yang disusun oleh Sekretariat

Sinode antarabangsa di Roma adalah instrumen istimewa di mana dialog gereja-gereja tempatan dan dengan gereja sejagat berlaku semasa peringkat benua yang akan datang.

Dengan input daripada para Uskup, dokumen itu telah dimuktamadkan dan diserahkan kepada FABC untuk kajian mereka di peringkat benua pada Februari 24-27 di Samphan, Bangkok.

Dokumen Persidangan DCS meringkaskan jawapan daripada 11 Keuskupan/Agung dan vikariat:

- Apakah intuisi dan pengalaman baru yang meneguhkan?
- Apakah ketegangan dan soalan yang timbul daripada latihan sinod, dan perlu ditangani?

• Apakah keutamaan, tema berulang dan seruan tindakan yang boleh dibincangkan semasa Sesi Pertama Perhimpunan Sinode pada Oktober 2023.

Dokumen yang dihimpunkan boleh dibaca di: <https://cbcmsb.org/synod-of-bishops-2023/>

Presiden CBCMSB, Uskup Sebastian Francis mengumumkan para perwakilan untuk pertemuan peringkat benua tersebut.

Mereka adalah Uskup Bernard Paul dari Melaka Johor, Msgr Jude Miranda dari Pulau Pinang, dan Anna Amandus dari Sandakan. Para Uskup juga mencalonkan Kardinal William Goh dari Singapura untuk mewakili Persidangan di Perhimpunan Sinode Roma pada Oktober 2023.

## Perhimpunan pastoral para klerus Sabah 2023

### Paderi Katolik, penerus tradisi-tradisi baik

KENINGAU: Paderi-paderi adalah penerus tradisi-tradisi yang baik. "Tradisi baik" itu merujuk kepada semangat pelayanan yang setia kepada Yesus, melayani dengan rendah hati, prihatin dan membantu mereka yang memerlukan.

Perkara ini disebut oleh Uskup Cornelius Piong semasa Perhimpunan Pastoral para Klerus Sabah yang menghimpunkan para paderi dari tiga Keuskupan/Agung di Sabah.

Bertempat di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal, seramai 71 orang paderi, seorang diakon dan tiga orang Uskup/Agung berhimpun selama tiga hari di Keuskupan Keningau pada Januari 16-18, 2023.

Vikaris Jeneral Keuskupan Keningau, Msgr Gilbert Lasius mengatakan kesempatan perhimpunan bersama seluruh klerus di Sabah adalah sangat berharga.

"Melalui perhimpunan ini, kami saling meneguhkan, mengenali paderi-paderi yang baru ditahbis dan berkongsi suka duka pelayanan kami sebagai kaum tertahbis."

"Perhimpunan ini juga adalah sebagai penanda aras, adakah pelayanan imam kami berada di landasan betul? Melalui pelbagai sesi dalam perhimpunan ini juga, kami sering diingatkan untuk melayani sama seperti Yesus," ujar Msgr Gilbert.

Pada tahun ini, Perhimpunan para Klerus Sabah menekankan agenda *Pan Malaysia*

*Pastoral Assembly* 2026 (PMPC 2026), laporan-laporan sinodal yang lalu, ekologi dan persiapan Perhimpunan Pastoral Sabah 2025. Setiap keuskupan memberikan laporan tentang aktiviti dan perancangan mereka.

Selain itu, para klerus juga dapat bersukan bersama, berbincang, berdoa, merayakan Ekaristi dan pelbagai aktiviti bonding.

Fr Roney Mailap, salah seorang dari Team Pemantau Pembangunan Keuskupan Keningau mengatakan proses sinodal yang dilancarkan Okt 2021 membawa berkat kepada persiapan PMPC 2026.

Selain memberi pembaharuan dan pemerkasaan terhadap cara menggereja

dan melayani, ia juga membantu keuskupan menganjurkan cara penganjuran perhimpunan pastoral, *study day* dan pelan paroki menuju PMPC 2026 yang menekankan empat aspek iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi dan Sosial.

Fr Roney juga menyatakan, selepas Perhimpunan Pastoral Klerus Sabah ini, mereka mendapati bahawa Gereja-gereja di Sabah tidak begitu birokrasi sebaliknya konflik, isu dan masalah diselesaikan dengan cara perbincangan.

"Ini adalah sungguh-sungguh semangat sinodal iaitu Gereja berjalan bersama dan mendengar apa yang dikatakan oleh Roh Kudus," kata Fr Roney.

Mewakili rakan-rakan paderi dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Fr Terans Thaddeus, "Adalah satu sukacita dapat berkumpul dan bersinodal bersama dengan para paderi dan para uskup di Sabah. Kami berpeluang mengetahui apa yang berlaku sepanjang laporan Sinode dan persiapan PMPC.

"Dan saya dikuatkan melalui perhimpunan ini bahawa saya tidak keseorangan dalam pelayanan imam, tidak ada yang individu lebih memahami seorang paderi melainkan seseorang yang bergelar paderi..."



Para klerus tiga Keuskupan/Agung Sabah, berhimpun di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal pada Februari 16-18.